

**Hubungan motif penggunaan facebook dan trait personaliti dengan ketagihan
facebook dalam kalangan remaja**

ABSTRAK

Keghairahan terhadap Facebook sangat jelas terlihat di seluruh dunia. Di Malaysia, dianggarkan seramai 10,440,180 pengguna Facebook (Malaysia Facebook Statistik, 2011). Majoriti pengguna Facebook adalah pelajar sekolah menengah dan pelajar kolej (Raacke dan Bonds-Raacke, 2008). Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan motif penggunaan dan trait personaliti dengan ketagihan Facebook dalam kalangan remaja. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik tehadap 1,375 orang pelajar siswazah perempuan dan lelaki di sebuah universiti awam di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa motif penggunaan Facebook mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan ketagihan Facebook. Dapatan kajian juga mendapati bahawa wujud hubungan negatif dan signifikan antara trait personaliti dengan ketagihan Facebook dalam kalangan remaja. Kesimpulannya, berikutan dengan peningkatan populariti Facebook dalam kalangan dewasa muda pada masa kini, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada kajian lepas mengenai laman rangkaian sosial dan teori tentang interaksi manusia yang sudah ada.